

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 21/05/2008

'Mahathir pecat dirinya sendiri'

KOTA BHARU 20 Mei - UMNO wajar bersyukur apabila bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sanggup memecat dirinya sendiri dengan bertindak keluar daripada UMNO berkuat kuasa serta merta semalam.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa berkata, ini kerana UMNO sepatutnya sudah lama 'mecat' Mahathir kerana beliau melanggar disiplin parti tetapi tidak tergamak berbuat demikian.

Beliau menegaskan, tindak-tanduk Ma-

hathir turut menjejaskan prestasi parti dalam pilihan raya umum lalu tetapi UMNO tetap tidak mahu mengambil tindakan ke atasnya kerana menghormati jasa-jasanya.

"Tindak-tanduk Mahathir selama ini menyebabkan UMNO berasa serba salah. Marilah kita biarkan beliau memecat dirinya sendiri kerana sepatutnya UMNO memecat beliau tetapi tidak tergamak UMNO melakukannya.

"Allah gerakkan hatinya. Itulah keramat UMNO. Kita tidak perlu kembali ke za-

man Dr. Mahathir walaupun kita menyayanginya, cukuplah," katanya.

Annuar percaya, Dr. Mahathir keluar UMNO untuk menjayakan agenda peribadi bukan kerana bangsa, agama dan negara seperti yang dinyatakan bagi memurnikan tindakan itu.

Katanya, sesiapa yang berjuang dalam UMNO kerana Dr. Mahathir, mereka boleh mengikut langkahnya tetapi bagi sesiapa yang berjuang dalam UMNO kerana agama, bangsa dan negara, perjuangan itu masih belum selesai.

UM - 21/5/2008